

UMS berjaya lahir 40,000 graduan termasuk luar negara

NST 7.4.2013. 8

SANDAKAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya melahirkan lebih kurang 40,000 graduan termasuk dari luar negara, kata Pengarah Pusat Alumni UMS, Prof. Madya Dr. Mahmud Hj Sudin.

Menurut beliau, graduan tempatan kini mengisi sekali gus berfungsi sebagai nadi perkhidmatan awam, industri, usahawan dan agensi-agensi multinasional.

"Mereka menerima pujian kerana memiliki kecekalan, kegigihan, semangat sepasukan dan kemahiran yang diperlukan ... saya pasti, ini kerana UMS 'deliver to its best' menjanjikan hanya yang terbaik kepada pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Care For Malaysia 'Selangkah ke Menara Gading' anjuran Jabatan Hal-Ehwal Pelajar (HEP) UMS dengan kerjasama Kolej Kediaman Lestari UMS di perkarangan pusat membeli-belah Sandakan Harbour Mall, di sini, kelmarin.

Katanya, pihak pengurusan UMS sentiasa menggalakkan program terbabit bagi memberi ruang pendedahan kepada pelajar-pelajar dari pelbagai aliran di sekolah menengah seluruh Sabah yang berpotensi mengetahui dengan lebih lanjut cara untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat universiti.

Ini kerana, katanya lagi, program sebegini dapat memberikan pendedahan awal sebagai satu rangsangan, suntikan motivasi, pembuka minda serta proses penerapan ingin maju ke hadapan.

"Ia juga sebagai program kesularelawan dalam kalangan mahasiswa UMS kepada masyarakat memandangkan bentuk penganjurannya seperti mini karnival UMS yang menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma, penerangan mengenai kemasukan ke UMS dan lain-lain oleh agensi yang turut dijemput.

"Saya gembira dengan inisiatif mengadakan program ini sekurang-kurangnya pelajar dapat melihat pelbagai peralatan pendidikan dan prasarana yang lain, yang terdapat di UMS sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi awam ke-9 di Malaysia.

"Sebagai identiti sebuah universiti komprehensif iaitu menawarkan pelbagai bidang pengajian ke arah melahirkan modal insan terlatih dan berketrampilan dalam pengkhususan atau jurusan-jurusan yang diperlukan oleh pembangunan negara kita dan juga arena global," kata Dr. Mahmud.

Turut hadir pada majlis itu, Pengetua Kolej Kediaman Lestari, Dr. Abdul Rahim Awang. - **OLEH ROZZALIN HASHIM (rozzalin@news-abahtimes.com.my)**



MENARIK MINAT ... Sebahagian pengunjung yang terdiri daripada pelajar bertanya sesuatu semasa mengunjungi booth UMS.



TAHNIAH ... Dr. Mahmud menyampaikan cendera mata kenangan kepada wakil booth mewakili agensi lain yang turut meniajukan program ini.



PENGHARGAAN ... Dr. Mahmud menerima cenderahati kenangan disampaikan Dr. Abdul Rahim pada majlis itu.